



MAJLIS SUKAN NEGERI TERENGGANU

BORANG SEBUTHARGA

NO. SEBUTHARGA : MSN.TR.SH.09/2022
TARIKH BUKA SEBUTHARGA : 03 Oktober 2022 (Isnin)
TARIKH TUTUP SEBUTHARGA : 10 Oktober 2022 (Isnin)
MASA TUTUP PETI SEBUTHARGA : 12.00 TENGAHARI

**MEMBEKAL BAJA DAN RACUN DI KOMPLEKS SUKAN
NEGERI TERENGGANU**

KOD BIDANG : 1) 070101 (Baja Dan nutrien Tumbuhan)
2) 070102 (Rumpai/Tumbuhan, Racun Serangga/Perosak)

NAMA KONTRAKTOR : _____
TEMPOH PENDAFTARAN : _____
TEMPOH TARAF : _____
ALAMAT KONTRAKTOR/PEMBEKAL : _____
: _____

PENGARAH
MAJLIS SUKAN NEGERI TERENGGANU
GERBANG SUKAN NEGERI TERENGGANU
JALAN LAPANGAN TERBANG, GONG BADAH
21300 KUALA NERUS, TERENGGANU

ISI KANDUNGAN

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA	3
ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA	4
SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA	8
BORANG HARGA.....	15
SENARAI SEMAK TAWARAN HARGA	16
LAMPIRAN Q.....	17
KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA	20
SURAT AKUAN PEMBIDA.....	22
KETERANGAN TAMBAHAN PENYEBUT HARGA.....	24
SENARAI PENGALAMAN DALAM MEMBEKAL BAJA DAN RACUN	25
SENARAI KERJA DALAM TANGAN	26

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**SEBUTHARGA MSN.TR.SH.09/2022**

Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kelas yang berkaitan serta pendaftarannya masih lagi berkuat kuasa dalam tempoh tiga (3) bulan (90 hari) dari tarikh Sebutharga ini diiklankan dan masih dibenarkan membuat tawaran. Pembekalan adalah seperti berikut :-

Bil	Tajuk Sebutharga	Kod Bidang	Tempat Tawaran Borang / Laman Sesawang
1.	MEMBEKAL BAJA DAN RACUN DI KOMPLEKS SUKAN NEGERI TERENGGANU	1) 070101 = (Baja Dan Nutrien Tumbuhan) 2) 070102 = (Rumpai / Tumbuhan, Racun Serangga / Perosak)	Bahagian Pentadbiran & Kewangan Majlis Sukan Negeri Terengganu <i>msnt.gov.my</i>

Naskah tawaran boleh diperolehi pada **03 Oktober Hingga 10 Oktober 2022** pada waktu pejabat di Bahagian Pentadbiran, Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu dan Dokumen tawaran juga boleh dimuat turun di laman sesawang ***msnt.gov.my***

Dokumen tawaran akan dikeluarkan kepada wakil pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil pembekal hendaklah membawa **sijil pendaftaran asal** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

Dokumen Sebutharga yang siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis tajuk “ **Membekal Baja Dan Racun Di Kompleks Sukan Negeri Terengganu** “ di sudut kiri sebelah atas sampul surat serta dialamatkan kepada **Pengarah Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu (u/p: Urusetia Sebutharga)** dan hendaklah sampai ke dalam Peti Sebutharga, Bahagian Pentadbiran Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang 21300 Kuala Nerus, Terengganu **pada/sebelum 10 Oktober 2022 (Isnin) tidak lewat dari jam 12.00 tengahari.**

Tarikh : 03 Oktober 2022


AHMAD SHAHRIZAL BIN YAHAYA
 Pengarah
 Majlis Sukan Negeri
TERENGGANU

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

SEBUTHARGA MEMBEKAL BAJA DAN RACUN DI KOMPLEKS SUKAN NEGERI TERENGGANU

1. PERIHAL SEBUTHARGA

- 1.1 Sebutharga ini adalah bagi *Membekal Baja Dan Racun di Kompleks Sukan Negeri Terengganu*.
- 1.2 Pelawaan ini adalah terikat kepada Arahan Am dan Syarat-syarat Tambahan Sebut harga serta syarat-syarat yang akan dikeluarkan bersama-sama dengan Dokumen Sebutharga berkaitan.

2. BORANG SEBUTHARGA

- 2.1 Penyebut Harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebutharga yang disertainya dan Majlis Sukan Negeri Terengganu tidak bertanggungjawab di atas sebarang kos yang terlibat oleh Penyebut Harga sekiranya Sebutharga ini dibatalkan.
- 2.2 Tawaran hendaklah terus sah selama tempoh **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh tutup tawaran Sebutharga. Borang-borang hendaklah diisi dengan maklumat-maklumat yang benar dan data yang tepat. Semua butiran dan semua pertanyaan perlu diisi dengan jawapan yang jelas di dalam borang-borang di atas. Helaian tambahan hendaklah dilampirkan untuk membuktikan jawapan tersebut jika perlu. Setiap helaian tambahan bercetak yang dilampirkan hendaklah ditandatangani ringkas oleh Penyebut Harga.
- 2.3 Tiap-tiap notis yang hendak diberi kepada Penyebut Harga bolehlah diposkan ke alamatnya yang dinyatakan dalam tawaran Sebutharga ini dan pengeposan itu hendaklah disifatkan sebagai penyampaian yang sempurna akan notis tersebut.
- 2.4 Jika Penyebut Harga tidak mematuhi syarat-syarat tersebut dalam Sebutharga ini mengenai apa-apa jua hal maka sebutharganya boleh **DITOLAK**.
- 2.5 Kerajaan adalah berhak menyetujui terima Sebutharga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- 2.6 Keputusan Kerajaan adalah muktamad. Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.

3. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUTHARGA

- 3.1 Penyebut Harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen Sebutharga serta menyemak kandungan dokumen Sebutharga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Sebutharga bagi memastikan Sebutharganya mematuhi syarat-syarat tersebut.

- 3.2 Dokumen tawaran Sebutharga mestilah dikemukakan dalam Bahasa Melayu sahaja.
- 3.3 Setiap pembedahan atau pindaan yang dibuat hendaklah digariskan ditandatangani ringkas setentang dengan pembedahan atau pindaan tersebut. Penggunaan sebarang pemadam cecair adalah tidak dibenarkan.
- 3.4 Hanya **BORANG SEBUTHARGA ASAL** sahaja perlu dikembalikan sekiranya berkenaan.
- 3.5 Cap Rasmi Syarikat mestilah sama dengan nama syarikat di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.
- 3.6 Hanya borang Sebutharga serta lampiran wajib dihantar dan kegagalan menghantar kesemua lampiran dan dokumen yang diwajibkan akan menyebabkan penawaran Sebutharga ini tidak akan dipertimbangkan (sila rujuk syarat-syarat Sebutharga).
- 3.7 Setiap ruangan hendaklah diisi. Jika tidak berkenaan, sila tulis "**TIDAK BERKENAAN**".
- 3.8 Semua dokumen salinan hendaklah **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan dan Profesional) **KECUALI** pihak pengeluar dokumen yang asal. Cap mestilah mempunyai nama, jawatan dan tempat bertugas.
- 3.9 Salinan Penyata Bank asal/ online banking statement hendaklah **DIAKUI SAH** di setiap muka surat oleh pegawai bank berkenaan. Pengesahan salinan penyata bank hendaklah bercap dan bertandatangan **HIDUP**.
- 3.10 Semua dokumen hendaklah dijilid dengan kemas. Penggunaan separator berlabel (tagging) adalah digalakkan. Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal hendaklah dijilid secara **BERASINGAN**.
- 3.11 Borang Sebutharga yang dikemukakan tidak mengikut arahan di atas **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

4. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUTHARGA

- 4.1 Borang-borang hendaklah diasingkan kepada **(2) dua** bahagian Dokumen yang **disusun dan dijilidkan** secara berasingan dalam **(1) satu sampul bersama** sebagaimana berikut :-

4.1.1 Dokumen Tawaran Harga

* bertulis tajuk :

SULIT
<i>“ Membekal Baja Dan Racun Di Kompleks Sukan Negeri Terengganu ”</i>
Jawatankuasa Penilaian Harga
SULIT

Bil	Rujukan	Dokumen
1	Borang Harga	Senarai Semak Dokumen Tawaran Harga
2	Borang Harga 1	Lampiran Q
3	Borang Harga 2	Keterangan Mengenai Penyebut Harga
4	Borang Harga 3	Surat Akuan Pembida
5	Lampiran 1	Salinan Sijil Pendaftaran kod bidang dengan Kementerian Kewangan yang telah disahkan
6	Lampiran 2	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah disahkan
7	Lampiran 3	Salinan Pendaftaran Di Bawah Akta Cukai Jualan Dan Perkhidmatan (SST) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang telah disahkan (jika berkenaan)
8	Lampiran 4	Salinan Penyata Akaun bank untuk 3 bulan terkini yang disahkan oleh pihak bank
9	Lampiran 5	Salinan-salinan Surat Setuju Terima yang telah disahkan
10	Lampiran 6	Surat Sokongan (Authorized Reseller) dari syarikat Principle atau Distributor kepada peralatan yang ditawarkan

- 4.2. Kedua-dua Dokumen Sebutharga tersebut yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan lagi ke dalam sampul surat yang berlakri dan bertulis tajuk :

<p>SULIT</p> <p><i>“Membekal Baja Dan Racun Di Kompleks Sukan Negeri Terengganu”</i></p> <p>Pengarah Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu (U/P: Urusetia Sebutharga)</p> <p style="text-align: right;">SULIT</p>

dan hendaklah masuk ke dalam Peti Sebutharga, Bahagian Pentadbiran Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu **pada/sebelum 10 Oktober 2022 (Isnin) tidak lewat dari jam 12.00 tengahari.**

5. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 5.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan kepada atau daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009).

- 5.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009).
- 5.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan Kesalahan Rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009).
- 5.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2009).

6. PERTANYAAN DOKUMEN SEBUTHARGA

- 6.1 Penyebut Harga yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen Sebutharga bolehlah berhubung secara bertulis, melalui surat rasmi yang di faks/pos atau melalui e-mel kepada alamat berikut:-

**Pengarah Majlis Sukan Negeri Terengganu,
Gerbang Sukan Negeri Terengganu,
Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak,
21300 KUALA NERUS, TERENGGANU
(U/P: Urusetia Sebutharga)**

Fax : 09-6672579
E-mel : msn@terengganu.gov.my

- 6.2 Sebarang pertanyaan melalui telefon tidak akan dilayan.

SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

1. KELAYAKAN MEMASUKI SEBUTHARGA

- 1.1. Semua penyebut harga yang ingin menyertai Sebutharga Majlis Sukan Negeri Terengganu hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah **Kod Bidang = 070101 (Baja Dan Nutrien Tumbuhan) & 070102 (Rumpai / Tumbuhan, Racun Serangga / Perosak) yang masih sah dan berkuatkuasa.**
- 1.2. Penyebut harga hendaklah mengemukakan penyata bank/salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terkini berturut-turut sebelum tarikh tutup Sebutharga.
- 1.3. Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat serta menyemak kandungan dokumen Sebutharga dengan teliti sebelum membuat tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang telah ditetapkan membolehkan Sebutharga tersebut tidak dipertimbangkan.
- 1.4. Tawaran penyebut harga akan **DITOLAK** sekiranya penyebut harga **TIDAK** mematuhi mana-mana syarat daripada perkara 1.1 hingga 1.3.
- 1.5. Satu (1) penyebut harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja. Tawaran alternatif adalah tidak dibenarkan.

2. HARGA

- 2.1. Harga tawaran hendaklah diisi dalam borang harga dan borang tawaran. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Harga-harga yang ditawarkan hendaklah mengambilkira semua kos berkaitan dengan Membekal Baja Dan Racun Di Kompleks Sukan Negeri Terengganu seperti pengangkutan, perkhidmatan dan peralatan termasuk semua kos luar jangka yang berkaitan dengan Skop Pembekalan seperti di Borang Teknikal 1.
- 2.2. Harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran Sebutharga ini ditutup serta akan berkuatkuasa sepanjang tempoh sah laku Sebutharga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berkuatkuasa dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan **KECUALI** atas persetujuan bersama oleh kedua-dua pihak. Harga yang ditawarkan haruslah mengikut mekanisme penggenapan harga yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia iaitu dalam dua (2) titik perpuluhan sahaja. Contoh RM2.10.
- 2.3. Harga yang ditawarkan mestilah mengambilkira segala kos yang terlibat semasa atau selepas tawaran, kos pentadbiran dan lain-lain kos yang berkaitan termasuk cukai, keuntungan dan lain-lain kos yang berkaitan.
- 2.4. Kerajaan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah.
Walaupun bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh penyebut harga bukanlah nilai

kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh Kerajaan sekiranya berjaya di dalam penawaran Sebutharga ini.

3. SPESIFIKASI

- 3.1. Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan. Semua barang yang dibekalkan akan menjadi hak milik mutlak Kerajaan.
- 3.2. Penyebut Harga hendaklah memastikan bahawa barangan Buatan Malaysia diutamakan dalam tawaran Sebutharga. Barangan import hanya boleh dipertimbangkan sekiranya telah dipastikan ianya tiada dalam pengeluaran tempatan.
- 3.3. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh Penyebut Harga.
- 3.4. Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan, nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.
- 3.5. Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan barang atau sebahagian bilangan barang tertentu. Perolehan boleh dibuat beberapa kali mengikut kesesuaian dalam tempoh Sebutharga sehingga jumlah bilangan barang dalam Sebutharga dicapai dan boleh menambah atau mengurangkan kuantiti barang jika perlu.
- 3.6. Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.
- 3.7. Kerajaan sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji barang itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan barang tersebut.
- 3.8. Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
- 3.9. Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barangan / perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.
- 3.10. Lokasi penghantaran barang adalah di Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang, Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu. Masa penghantaran barang adalah hari bekerja dan hendaklah sampai selewat-lewatnya dua jam sebelum waktu pejabat berakhir.
- 3.11. Skop Pembekalan adalah seperti mana yang dinyatakan dalam **Lampiran Q di Borang Harga 1 dan Borang Spesifikasi Barang/Peralatan seperti di Borang Teknikal 1**. Penyebut harga hendaklah membaca Borang Harga 1 dan Borang Teknikal 1 dengan teliti supaya tidak timbul masalah kesilapan meletak harga.

4. SURAT SETUJU TERIMA (SST)

- 4.1. Kerajaan adalah berhak menyetujui terima Sebutharga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagian daripadanya. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- 4.2. Keputusan Kerajaan adalah muktamad. Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.
- 4.3. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu Perjanjian Kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.
- 4.4. Surat setuju terima (SST) hendaklah ditandatangani dan diserahkan kepada Kerajaan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh SST dikeluarkan. Jaminan Bank (jika ada) hendaklah dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh SST tersebut dikeluarkan. Kegagalan menyerahkan kembali SST / Jaminan Bank dalam tempoh tersebut atau tempoh yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan akan menyebabkan tawaran Sebutharga tersebut **TERBATAL DENGAN SENDIRINYA**.

5. JAMINAN BANK

- 5.1. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Jaminan Bank sebelum memulakan apa-apa kerja / bekalan atau perkhidmatan sebagaimana berikut:-
 - (i) 2.5% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak bekalan / perkhidmatan yang kurang dari RM500,000.00 setahun.
 - (ii) Bagi kontrak yang bernilai RM200,000.00 dan ke bawah tidak dikenakan syarat Jaminan Bank.
- 5.2. Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada Kerajaan suatu Jaminan Bank dalam bentuk:-
 - (i) Jaminan Bank atau Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh Bank atau Syarikat Kewangan berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] yang beroperasi di Malaysia;
 - (ii) Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276] yang beroperasi di Malaysia;
 - (iii) Jaminan Insurans yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553] yang beroperasi di Malaysia;
 - (iv) Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh Syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312]; atau
 - (v) Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Bank) yang beroperasi di Malaysia,

yang diluluskan oleh Kerajaan dan yang tidak boleh batal dengan nilai dan peratusan dari Nilai Perjanjian dalam tiga puluh hari (30) hari dari tarikh SST atau dalam apa-apa tempoh yang dipersetujui secara bertulis oleh Kerajaan, sebagai jaminan bahawa Kontraktor tidak akan melanggar dan akan mematuhi mana-mana terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini dan, selain remedi yang diberikan kepada Kerajaan dalam Perjanjian ini, Kerajaan berhak mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Jaminan tersebut bagi apa-apa pelanggaran terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini dan/atau jika Perjanjian ini ditamatkan sebelum Tarikh Penamatan tanpa menyentuh apa-apa hak lain Kerajaan dalam Perjanjian ini.

5.3. Nilai Jaminan Bank tersebut hendaklah sentiasa tetap seperti yang dinyatakan dalam perenggan 5.2 dan hendaklah berkuatkuasa selama dua belas (12) bulan selepas Tarikh Penamatan.

5.4. Jika jumlah wang dalam Jaminan Bank -

- (i) Diambil atau dirampas secara keseluruhan darinya, Kontraktor/Pembekal hendaklah menggantikan Jaminan Bank itu dengan Jaminan Bank baru sebagai gantian kepada keseluruhan jumlah wang dalam Jaminan Bank yang diambil atau dirampas mengikut perenggan 5.2 dan 5.3; atau
- (ii) Diambil atau dirampas sebahagian daripadanya, Kontraktor/Pembekal hendaklah mengemukakan Jaminan Bank baru sebagai gantian kepada bahagian jumlah wang dalam Jaminan Bank yang diambil atau dirampas mengikut perenggan 5.2 dan 5.3.

5.5. Jaminan Bank adalah menjadi sebahagian Perjanjian dan akan dikembalikan kepada Kontraktor selepas tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 5.3 dan tertakluk kepada apa-apa pindaan, pengubahsuaian, pengurangan atau potongan yang boleh dibuat oleh Kerajaan mengikut syarat-syarat dan terma-terma dalam Perjanjian ini berhubung dengan apa-apa pelanggaran terma-terma atau syarat-syarat yang dilakukan oleh Kontraktor.

6. PENARIKAN BALIK TAWARAN/PENOLAKAN TAWARAN

6.1. Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran yang dikemukakan sebelum Sebutharga dipertimbangkan.

6.2. Penyebut harga tidak boleh menolak tawaran Kerajaan sekiranya penyebut harga berjaya mendapat tawaran tersebut. Jika penyebut harga berbuat demikian, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan/ disenarai hitamkan.

6.3. Perkara 6.1 dan perkara 6.2 hanya boleh dipertimbangkan sekiranya penyebut harga mempunyai alasan yang munasabah dan dipersetujui oleh pihak Kerajaan.

7. PEMBAYARAN

7.1. Pembayaran dibuat dalam Ringgit Malaysia kepada Kontraktor/Pembekal dalam akaun bank Kontraktor/Pembekal dan pembayaran akan diproses oleh Kerajaan selepas Kerajaan menerima daripada Kontraktor/Pembekal, invois dan/atau dokumen

lain, yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa, daripada Kontraktor/Pembekal yang lengkap diisi dengan butir-butir kerja / bekalan / perkhidmatan yang disahkan dan diperakukan oleh Kerajaan tidak lewat daripada 5 haribulan berikutnya selepas kerja / bekalan / perkhidmatan dilaksanakan atau dalam apa-apa tempoh masa yang munasabah yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada Kontraktor/Pembekal jika bil/ tuntutan tidak dihantar ataupun tidak lengkap dengan segera dalam tempoh tersebut.

7.2. Semua salinan dokumen perlu disahkan salinan asal dan kesemua Dokumen Berkaitan Kontrak dan Dokumen Sokongan perlu ada dan dikepikan sekali dengan setiap tuntutan bayaran.

8. TEMPOH SAH LAKU SEBUTHARGA

8.1. Tempoh sah laku Sebutharga adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh Sebutharga ditutup. Tempoh ini boleh dilanjutkan dengan persetujuan bersama secara bertulis oleh kedua-dua belah pihak jika dan apabila perlu.

9. PERLANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA/KONTRAK

9.1. Penyebut harga yang memasuki Sebutharga tidak boleh melanggar perkara-perkara seperti berikut:

9.1.1 Melakukan pakatan harga;

9.1.2 Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai Sebutharga;

9.1.3 Memalsukan tandatangan pada cap "Salinan Diakui Sah" dalam setiap dokumen yang dikemukakan; dan

9.1.4 Lain-lain kesalahan yang dinyatakan dalam dokumen dan borang Sebutharga serta peraturan-peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.

9.2. Penyebut harga yang berjaya memenangi Sebutharga tidak boleh melanggar syarat kontrak seperti berikut:

9.2.1 Pembekalan tidak mengikut spesifikasi;

9.2.2 Tidak menyerahkan Jaminan Bank dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 30 hari dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan oleh Kerajaan;

9.2.3 Didapati memajakkan mana-mana bahagian daripada Kontrak ini atau membuat apa-apa Kontrak Kecil (Sub-contract) tanpa kebenaran; dan

9.2.4 Lain-lain kesalahan yang dinyatakan dalam dokumen kontrak serta peraturan-peraturan semasa Kerajaan yang sedang berkuatkuasa.

9.3. Kontraktor yang melanggar syarat Sebutharga / Kontrak seperti di Para 9.1 dan 9.2, boleh dikenakan tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara yang berikut:

9.3.1 Pembatalan Surat Setuju Terima;

- 9.3.2 Amaran;
- 9.3.3 Denda / Pemotongan;
- 9.3.4 Rampasan Jaminan Bank;
- 9.3.5 Penamatan Kontrak; dan
- 9.3.6 Senarai Hitam Syarikat dan pemilik.

10. HAK KERAJAAN APABILA PEMBEKALAN YANG DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA/KONTRAK

- 10.1. Jika barang-barang tidak digantikan dalam masa yang ditentukan atau barang-barang yang terlewat diserahkan oleh Kontraktor, Kerajaan boleh sama ada:
- 10.1.1 Menolak Barang-Barang itu dan menamatkan Perjanjian ini dan oleh itu Jaminan Bank adalah dirampas.
 - 10.1.2 Membeli Barang-Barang yang dikehendaki itu daripada punca-punca lain dan menolak Barang-Barang yang dipesan daripada Kontraktor/Pembekal. Bagi hal yang sedemikian jika kos memperoleh Barang-Barang itu daripada punca-punca lain melebihi harga dalam Perjanjian ini Kontraktor/Pembekal boleh dikehendaki membayar amaun yang lebih itu sebagai pampasan kepada Kerajaan.
 - 10.1.3 Setuju terima Barang-Barang itu dan mengenakan denda berdasarkan kaedah pengiraan berikut :

Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Kerajaan boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut :

$$\frac{V(T + D)}{T} \times 5\%$$

V: Nilai harga peralatan yang lewat dibekalkan;
T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan
D: Bilangan hari yang lewat.

- Setelah penerimaan peralatan sempurna dan didapati peralatan rendah kualiti daripada spesifikasi, Kerajaan boleh meminta syarikat menggantikan peralatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kerajaan.
- Kerajaan akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan tersebut.

- 10.2. Kerajaan berhak memotong apa-apa wang yang kena dibayar kepada Kontraktor/Pembekal oleh Kerajaan, sama ada sebagai denda atau pampasan daripada mana-mana Perjanjian yang ditandatangani dengan Kerajaan daripada apa-apa yang kena dibayar oleh Kerajaan kepada Kontraktor/Pembekal di bawah Perjanjian ini. Jika wang yang kena dibayar kepada Kontraktor/Pembekal itu tidak mencukupi bagi menampung tuntutan Kerajaan, Kerajaan boleh menuntut baki

tuntutan itu daripada Kontraktor/Pembekal dan Kontraktor/Pembekal hendaklah membuat pembayaran tersebut dalam tempoh yang ditentukan dalam notis tuntutan. Kerajaan juga berhak menuntut jumlah baki tersebut daripada Kontraktor/Pembekal melalui mana-mana Perjanjian yang ditandatangani dengan agensi Kerajaan, sekiranya Kontraktor/Pembekal gagal membuat bayaran setelah dituntut.

11. PENGIKLANAN

11.1. Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu.

12. PINDAAN

12.1. Kerajaan berhak untuk membuat pindaan ke atas tempoh kuat kuasa kontrak; dan

12.2. Kerajaan berhak untuk membuat pindaan ke atas bilangan barang yang dinyatakan di Jadual Tawaran Harga.

13. TAFSIRAN

13.1. Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.


14. LAIN-LAIN

14.1. Semua arahan dan maklumat di dalam dokumen Sebutharga ini akan menjadi sebahagian daripada perjanjian yang akan ditandatangani oleh penyebut harga yang berjaya.

BORANG HARGA

**MEMBEKAL BAJA DAN RACUN DI KOMPLEKS SUKAN
NEGERI TERENGGANU**

MSN.TR.SH.09/2022

**BORANG HARGA****SENARAI SEMAK TAWARAN HARGA****SEBUTHARGA MEMBEKAL BAJA DAN RACUN DI KOMPLEKS SUKAN NEGERI
TERENGGANU**Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan ;

Bil.	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda oleh Syarikat	Untuk Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
1	LAMPIRAN Q		
2	KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA		
3	SURAT AKUAN PEMBIDA		
4	Salinan Sijil Pendaftaran kod bidang dengan Kementerian Kewangan yang telah disahkan		
5	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah disahkan		
6	Salinan Pendaftaran Di Bawah Akta Cukai Jualan Dan Perkhidmatan(SST) dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang telah disahkan (jika berkenaan)		
7	Salinan Penyata Akaun bank untuk 3 bulan terkini yang disahkan oleh pihak bank		
8	Salinan-salinan Surat Setuju Terima yang telah disahkan		
9	Surat Sokongan (Authorized Reseller) dari syarikat Principle atau Distributor kepada peralatan yang ditawarkan		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

BORANG HARGA 1**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga :

MSN.TR.SH.09/2022

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

**SEBUTHARGA MEMBEKAL BAJA DAN RACUN DI KOMPLEKS SUKAN NEGERI
TERENGGANU**

Kepada (Nama Syarikat) No. Tel: No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan: Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini <u>070101 & 070102</u>	Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh Kementerian/ Jabatan <u>Majlis Sukan Negeri Terengganu</u> <u>Gerbang Sukan Negeri Terengganu,</u> <u>Jalan Lapangan Terbang, 21300</u> <u>Kuala Nerus TERENGGANU,</u> No. Telefon: <u>09-667 2577</u> Tarikh:.....
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Sila beri Sebutharga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- Syarat penyerahan/penyempurnaan **Rujuk Syarat-syarat Am Sebutharga**
- Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **14 hari dari tarikh menandatangani Surat Setuju Terima.**
- Arahan pengiriman **Pengarah, Majlis Sukan Negeri Terengganu, Gerbang Sukan Negeri Terengganu, Jalan Lapangan Terbang 21300 Kuala Nerus, Terengganu.**
- Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor Sebutharga: **MSN.TR.SH.09/2022**
- Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **jam 12.00 tengah hari 10 Oktober 2022 (Isnin).**
- Tempoh sah laku Sebutharga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

AHMAD SHAHRIZAL YAHAYA
 Pengarah
 Majlis Sukan Negeri
TERENGGANU

BIL	PERKARA		UNTUK DIISI OLEH PENYEBUT HARGA	
	JENIS BAJA ATAU RACUN	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
		a	b	c = a x b
1	NPK 16-16-16 (50kg)	25 GUNI		
2	NPK 15-15-15 (50kg)	25 GUNI		
3	NPK 15-3-20 (50kg)	15 GUNI		
4	NPK 12-12-17 + 2TE (50KG)	15 GUNI		
5	Baja organic (50kg)	30 GUNI		
6	NPK 20-3-20 (BEST 25kg)	30 GUNI		
7	Green Lawnger (5 Liter)	5 TONG		
8	Ansar 550 (20 Liter)	12 TONG		
9	Konsep 550 (1 liter)	80 BOTOL		
10	Iron plus (10 Liter)	10 BOTOL		
			JUMLAH HARGA (RM)	
			SST (JIKA BERKENAAN) (RM)	
			JUMLAH KESELURUHAN (RM)	

RINGGIT MALAYSIA :

.....

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan pembekalan ialah _____ hari.

Saya / Kami yang diberikuasa dengan ini bersetuju menawar untuk membekalkan bekalan / perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga :

Nama :

No. K/P :

Alamat Syarikat :

Tarikh :

.....

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1. NAMA PENYEBUT HARGA: _____

2. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

2.1. Perseorangan/Perkongsian/Sdn. Bhd/Berhad/ (nyatakan)

Nama Pemegang Saham	Warganegara	No. K/Pengenalan	% Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

3. BANK UNTUK PEMBAYARAN

3.1. Nama: _____
(Wajib menyertakan salinan penyata akaun Bank yang disahkan Bank)

3.2. Nombor Akaun Bank :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

4. PENDAFTARAN SYARIKAT DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) ATAU PENDAFTARAN KOPERASI DENGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM) (jika berkaitan) (Wajib menyertakan salinan sijil)

4.1. Nombor Pendaftaran : _____

4.2. Tarikh Ditubuhkan/ Tempoh Sah Laku : _____

5. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN (jika berdaftar) (Wajib menyertakan salinan sijil)

5.1. **No. Pendaftaran** : _____

5.2. **Tempoh Sah Laku** : _____

5.3. **Kod Bidang** : _____

5.4. **Taraf Syarikat** : *Bumiputera/Bukan Bumiputera

5.5. **Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera** : _____

6. PENDAFTARAN CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST) DENGAN JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (jika berdaftar)

6.1 No. Pendaftaran : _____

6.2 Tarikh Kuat Kuasa : _____

7. MODAL PENYEBUT HARGA

7.1. Baki Terakhir Penyata Bank (Wajib menyertakan salinan Penyata Kewangan yang disahkan Bank)

7.1.1 Bulan Jun 2022 RM _____ (a)

7.1.2 Bulan Julai 2022 RM _____ (b)

7.1.3 Bulan Ogos 2022 RM _____ (c)

7.4. Purata Baki $(a+b+c) \div 3$ RM _____

7.3. Peratus Komposisi Pemilikan :

a. Bumiputera : %

b. Bukan - Bumiputera : %

c. Pelaburan Asing : %

8. KOMPOSISI PEKERJA

Bidang	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah(%)
Pengurusan			
Teknikal			
Perkeranian			
Buruh/Kakitangan Rendah			

9. LAIN-LAIN MAKLUMAT BAGI MENYOKONG CADANGAN INI :

.....

.....

.....

.....

.....

.....

**Potong mana yang tidak berkenaan.*

SURAT AKUAN PEMBIDA**SEBUTHARGA MEMBEKAL BAJA DAN RACUN DI KOMPLEKS SUKAN NEGERI
TERENGGANU - MSN.TR.SH.09/2022**

Saya,(Nama Wakil Syarikat)
No. Kad Pengenalan yang mewakili
.....(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan
bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam{Nama Kementerian/Agensi}..... atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat

demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan

KETERANGAN TAMBAHAN PENYEBUT HARGA

1. ALAMAT PENYEBUT HARGA:

1.1 Ibu Pejabat : _____

Telefon.....Faks.....E-mel

1.2 Cawangan : _____

Telefon Faks

- 2. **TARIKH PENYERAHAN/PENYEMPURNAAN PEMBEKALAN IALAH _____ *HARI.**
- 3. **JANGKA MASA PENGHANTARAN INVOIS SELEPAS SIAP KERJA : _____ *HARI**
- 4. **JANGKA MASA GANTIAN BARANG TIDAK IKUT SPESIFIKASI : _____ *HARI**

5. KONTRAK DENGAN KERAJAAN PADA MASA LALU
Sebutkan **(ADA / TIADA)**** Syarikat tuan pernah mengalami penggantungan dan penamatan kontrak dalam perjalanan kontrak dengan mana-mana Agensi oleh kerana perlanggaran syarat-syarat kontrak :

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

Catatan: i) Ruang Mandatori bertanda (*) adalah WAJIB diisi

SENARAI PENGALAMAN DALAM MEMBEKAL BAJA DAN RACUN DI LAIN-LAIN AGENSI (2020-2022)

Bil.	Nama/Jenis Kontrak	Nama dan Alamat Penuh Jabatan/Institusi	Harga Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak	
				MULA	TAMAT
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
6.					
7.					
8.					
9.					
10.					
11.					
12.					
13.					
14.					

- * Helaian ini mandatori WAJIB diisi semua ringkasan kerja dalam tangan, jika tiada maka penyebut harga dianggap tiada kerja dalam tangan
- * Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di lain-lain agensi tersebut di di bilangan 8 pada Borang Harga
- * Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi.

SENARAI KERJA DALAM TANGAN

Bil.	Nama Bekalan/ Perbekalan	Jabatan/Agensi yang Mengawasi Projek	Harga	Tarikh Mula	Tarikh Siap
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
6.					
7.					
8.					
9.					
10.					
11.					
12.					
13.					
14.					
15.					
16.					

- * Helaian ini mandatori **WAJIB** diisi semua ringkasan kerja dalam tangan, jika tiada maka penyebut harga dianggap tiada kerja dalam tangan
- * Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima di di bilangan 8 pada Borang Harga
- * Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi